

Rabu

5 Julai 2017



**MALAYSIA**

**MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH  
AHLI DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
彭加勒五  
MESYUARAT PERTAMA**

**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KELIMA  
MESYUARAT PERTAMA**

**Rabu, 5 Julai 2017**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**MENGANGKAT SUMPAH SEBAGAI AHLI DEWAN NEGARA**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

**LANTIKAN SEMULA**

1. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Hou Kok Chung
2. Yang Berhormat Senator Dato' Chai Kim Sen

*[Upacara Mengangkat Sumpah Tamat]*

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN AHLI DEWAN NEGARA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli yang berhormat, salam sejahtera dan salam negaraku Malaysia.

Ahli-ahli yang berhormat saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan dua orang Ahli Dewan Negara yang telah mengangkat sumpah sebentar tadi. Pertamanya, ingin saya mengucapkan tahniah kepada dua orang Ahli Dewan Negara yang dilantik semula oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong seperti berikut:

- Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Hou Kok Chung
- Yang Berhormat Senator Dato' Chai Kim Sen

Pelantikan Yang Berhormat untuk penggal kedua merupakan satu pengiktirafan oleh kerajaan terhadap khidmat bakti serta sumbangan Yang Berhormat sepanjang penggal yang lalu. Pelantikan semula Ahli-ahli Yang Berhormat tadi akan memberi peluang untuk terus menyumbang khidmat bakti kepada bangsa dan negara. Sumbangan yang dimaksudkan melewati soal perbahasan semata-mata dan mencakupi kepatuhan kepada Rukun Negara yang menekankan antara lain, keluhuran perlembagaan, kedaulatan undang-undang serta keperibadian mulia yang menjawai ketamadunan manusia.

Di samping piagam negara tersebut, Ahli-ahli Yang Berhormat perlu mematuhi ikrar taat setia, peraturan-peraturan mesyuarat serta prinsip-prinsip universal yang terkandung dalam budaya tempatan seperti hormat-menghormati antara satu sama lain. Demokrasi adalah konsep yang indah dan luhur dan demokrasi berparlimen merupakan satu aspek penting yang menjiwainya. Amalan demokrasi perlu dibina atas dasar yang kukuh. Tingkah laku yang beradab dan bersopan disertai dengan pemikiran yang terbuka serta rasional adalah penting ditonjolkan sebagai modal atau pun contoh teladan yang terpuji bukan saja dalam kalangan Ahli-ahli Parlimen tetapi jauh penting lagi kepada khalayak ramai terutamanya generasi muda.

Tidak kurang pentingnya, sebagai sebuah institusi perundangan yang berwibawa dan disanjung tinggi di kaca mata masyarakat, Ahli-ahli Yang Berhormat perlu berusaha gigih ke arah menambahkan ilmu demi mempertingkatkan lagi mutu perdebatan di Dewan yang mulia ini. Saya percaya bahawa pematuhan kepada petua dan garis-garis panduan yang ditetapkan nescaya dapat membantu memperkasakan imej Parlimen sebagai sebuah institusi perundangan yang berwibawa dan disanjung tinggi di persada antarabangsa.

Akhir sekali, saya mendoakan agar Ahli-ahli Yang Berhormat akan terus mendukung visi rakyat ke arah membina sebuah negara yang maju dan progresif dalam semua aspek pembangunan.

Dengan kata-kata itu, maka selesailah Majlis Mengangkat Sumpah pada hari ini. Terima kasih... *[Tepuk]*

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.10 pagi]***